



Ruj. Kami : ANM(G)NS.127 Jld.2 (52)

Tarikh : 1 April 2019

**PENGARAH
SEMUA PUSAT PEMBAYAR GAJI
KERAJAAN PERSEKUTUAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

YBhg. Dato / Tuan,

**PINDAAN TARIKH KUNCI MASUK DAN LARIAN GAJI *DAILY RATED* BAGI
GAJI PEKERJA SAMBILAN HARIAN BULAN MAC 2019**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Dato'/tuan, terdapat **pindaan** ke atas tarikh pemprosesan gaji bagi Pekerja Sambilan Harian / Guru Ganti / Pekerja Bergaji Hari bagi bulan Mac 2019. Pindaan tarikh adalah seperti berikut :

Tarikh Kunci Masuk	Tarikh Run Gaji	Tarikh Gaji
01.04.2019 – 03.04.2019	04.04.2019	08.04.2019

3. Bagi memastikan proses larian gaji berjalan dengan lancar, kerjasama daripada pihak YBhg. Dato'/tuan adalah dipohon untuk mematuhi tarikh-tarikh yang telah ditetapkan. Pihak YBhg. Dato' / tuan juga adalah dipohon untuk memastikan Waran Peruntukan bagi tujuan bayaran gaji PSH ini telah diperolehi daripada Kementerian / Ibu Pejabat. Sekiranya Waran Peruntukan masih belum diterima, kerjasama daripada pihak YBhg. Dato'/tuan adalah dipohon untuk menyediakan Waran Kosong (F0) di bawah kod objek 29000.

4. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara di atas, pihak YBhg. Dato'/tuan bolehlah menghubungi pegawai-pegawai berikut :

- i. Puan Noraini binti Mohd Yunos 06-768 6897
- ii. Puan Sareen Deo binti Mohd Imbran 06-768 6871

5. Perhatian dan kerjasama daripada pihak YBhg. Dato'/tuan berhubung perkara di atas amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

'Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi'

Saya yang menjalankan amanah,



(NOOR AZURA BINTI MOHD AZHAR ACCA (UK), C.A.(M))

Unit Gaji

b.p: Pengarah Negeri

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Sembilan